

Headline	KPWKM cadang tubuh satu Anjung Kasih YKN setiap negeri		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	9
ArticleSize	209 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,293		



KPWKM cadang tubuh satu Anjung Kasih YKN setiap negeri

KOTA BHARU - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merancang untuk mewujudkan sekurang-kurangnya satu Anjung Kasih Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di setiap negeri.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, fasiliti penginapan sementara kepada waris pesakit yang kurang berkemampuan itu dapat membantu meringankan bebanan mereka dari segi kos menyewa hotel atau pengangkutan.

Menurut beliau, keperluan Anjung Kasih bagaimanapun berbeza di setiap negeri.

"Memang ada perancangan satu Anjung Kasih YKN di setiap negeri namun bergantung kepada kemampuan kita dan sumbangan penderma terutama daripada syarikat korporat.

"Cuma, setiap negeri ada keperluan berbeza seperti di Sarawak mungkin memerlukan tiga atau lebih Anjung Kasih YKN kerana kawasan penempatan penduduk

jauh di pedalaman," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Anjung Kasih Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini pada Isnin.

Nancy berkata, Anjung Kasih YKN membantu menjimatkan kos penginapan waris atau keluarga pesakit dengan purata antara RM100 hingga RM150 sehari.

Katanya, setakat ini seramai 96,338 pesakit dan waris pesakit yang menjalani rawatan di hospital-hospital kerajaan menerima manfaat projek Anjung Kasih YKN.

"Sebanyak 19 Anjung Kasih yang beroperasi di seluruh negara dengan terbaharu di HRPZ II diwujudkan melalui tajaan TNB berjumlah RM1.5 juta," jelasnya.

Tambah beliau, Anjung Kasih YKN ialah tempat penginapan sementara untuk golongan yang memerlukan khususnya keluarga atau waris pesakit yang tidak berkemampuan menyewa bilik hotel namun berkeperluan untuk mengiringi dan menjaga pesakit di hospital kerajaan.

Nancy (tengah) ketika merasmikan Anjung Kasih YKN HRPZ II pada Isnin.

